

Kupasan dan Ulasan

Hakikat Kemuliaan yang Telah Dijanjikan oleh Allah untuk Umat Islam

Dalam suasana hari zahirnya *al-Insān al-Kāmil*, Muhammad bin ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Muṭalib bin Hāshim al-Qurashī, hamba Allah dan pesuruh-Nya, *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam*, amatlah eloknya dikaji semula akan hakikat kemuliaan yang telah dijanjikan oleh Allah ‘azza wa jalla untuk umat Islam turun temurun.

Soal ini telah dikupas dengan sejelas-jelasnya oleh Faḍīlah al-Ustādh Abdul Mun‘im al-Namar, Mesir, seperti yang tersiar dalam majalah Qalam keluaran yang lalu dan sekarang inilah bahagian penutup.

Kaum kita Muslimin yang tertanya-tanya dan terharap-harap akan kemuliaan dengan percuma itu, sudahkah mereka menyelami hakikat ini dengan jiwa dan amalan mereka? Adakah mereka bekerja (berjuang) supaya masyarakat Islam mengutamakan bekerja, tak kenal menganggur dan malas, atautah sebaliknya?

Saiyidinā ‘Umar, radiya Allāhu ‘anhu, pernah mencemeti mereka yang tak mahu bekerja, yang hidupnya menjadi beban orang lain.

Tatkala Allah *subḥānahu wa ta‘ālā* menetapkan kemuliaan bagi umat Islam dan menjanjikannya kepada mereka, menghendaki supaya mereka bekerja dengan ikhlas, dan menghimpunkan di antara “*ṣiḥḥah al-‘aqīdah*” (iktikad yang benar) dan “*jawdah al-‘amal*” (kerja yang rapi). Sifat ini telah digambar di dalam Quran:

“Mereka yang jika Kami tempatkan di bumi, mereka mendirikan sembahyang, memberikan zakat, melakukan amar makruf dan nahi munkar”.

Tidaklah Tuhan menghendaki mereka sekadar hanya bercakap sahaja, malah Tuhan rasmikan dengan jelas nyata akan jalan membuktikan janjinya, dan siapa mereka yang diberi janji. Demikianlah dalam firman-Nya yang bermaksud:

“Allah menjanjikan bagi orang-orang yang beriman kepada-Nya dari antara kamu dan mengerjakan amalan yang baik, untuk menjadi khalifah di bumi, sebagaimana Tuhan telah menjadikan khalifah akan orang-orang yang sebelum kamu, dan ditetapkannya agama mereka yang Ia sukai untuk mereka, dan digantikannya ketakutan mereka dengan keamanan. Mereka menyembah Aku dan tidak mempersekutukan Aku dengan sesuatu jua pun.”

Janji bahagia itu ialah untuk kaum Muslimin yang bekerja melahirkan usaha-usaha yang baik dan rapi, yang menunaikan kewajipan menurut apa yang ditentukan bagi mereka dengan amanah, ikhlas, dan sesuai pula sebagaimana yang disabdakan oleh Junjungan kita Nabī

Muhammad *ṣallā Allāh ‘alayhi wa ‘ālihi wa ṣallam*, yang bermaksud: “Allah suka dari hamba-Nya yang apabila melakukan sesuatu kerja, dikerjakannya dengan sempurna dan rapi.”

Iman bukanlah dengan angan-angan yang melayang di udara tetapi ialah yang terhunjam di hati dan dibuktikan oleh amal perbuatan.

Bagaimanakah mereka hanya menunggu-nunggu dan berharap berhasilnya cita-cita mereka untuk mencapai “kemuliaan” yang dijanjikan itu dengan tiada mereka melakukan pengorbanan, bagaimana kemuliaan itu akan tercapai sedang mereka tidak berjuang untuk mencapainya?

Sebenarnya Allah *‘azza wa jalla* meletakkan sendi-sendi untuk kemuliaan yang dijelaskan oleh *al-Qur’ān* dan dikerjakan oleh Nabī dan sahabat-sahabatnya, maka mereka berjaya sampai ke kemuncak kemuliaan itu. Mustahil akan berubah *sunnah* (peraturan) Allah.

Barangsiapa yang tidak berpegang pada sendi-sendi itu, ia akan sesat dan tergelincir, dan tidak akan mendapat pembantu dan pembela dari selain Allah.

Tuhan tidak melakukan kezaliman kepada mereka tetapi merekalah yang berlaku zalim terhadap diri sendiri.

Pernah orang bertanya kepada Ibrāhīm ibn Adham: Allah berfirman (maksudnya): “Memohonlah kamu kepada-Ku, nescaya Aku perkenankan”, maka kenapakah kami bermohon tiada hasilnya?

Ibrāhīm menjawab: Itu disebabkan lima perkara.

Mereka bertanya lagi:

Apa dia perkara yang lima itu? Lalu dijelaskan oleh Ibrāhīm, ujarnya:

“Kamu kenal Tuhan tetapi kamu tidak menunaikan hak-Nya; kamu membaca Quran tetapi tidak mahu mendalami isinya; kamu mendakwa mencintai Rasul tetapi tidak menurut *sunnah*-nya (perjalanan dan peraturannya), kamu mendakwa melaknati Iblīs tetapi kamu ikut suruhannya; kamu tidak hiraukan keaiban sendiri tetapi kamu perlihatkan keaiban orang lain.”

Janji Allah itu tetap berlaku dan Allah tidak sekali-kali akan menyalahi janji-Nya – sebagaimana yang dijelaskan di dalam *al-Qur’ān*. Hanya sanya kita sekarang tertuntut memenuhi syarat yang melayakkan diri pada mencapainya, menurut jejak umat Islam dalam zaman keemasannya yang gilang gemilang dahulu.



اوبت برانق
\$15.50
Yahya Ariff
37, JALAN KANGSAR K. KANGSAR

Ubat beranak yang masyhur ini sangat digemari oleh ibu-ibu yang beranak di serata Tanah Melayu, Sarawak, Brunei dan Siam.

Dengan menggunakan ubat ini **tak payah berdiang – tak payah bersalai**, badan sentiasa sihat dan segar.

Sekotak \$15.50 cukup untuk penggunaan sekali beranak tambah belanja pos 60 sen.

YAHYA ARIFF

37, Jalan Kangsar, Kuala Kangsar.